

Penggunaan Kata Pelita, Tambang dan Tewas dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu di Indonesia

Harry Ramza¹, Rusdi Abdullah²

1. Pusat Studi Buya HAMKA, Universitas Muhammadiyah Prof. DR. HAMKA
Jalan Limau II, Kebayoran Baru, Jakarta 12130, Telp/Fax. +62-21-7256659
email. hramza@yahoo.com
2. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak – Tidak dapat dibezakan secara keterlaluan antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dengan alasan bahawa bahasa Melayu yang diguna pakai sebagai bahasa kebangsaan Indonesia iaitu bahasa Melayu yang dipertuturkan di negeri Riau (merupakan bahasa Melayu Tinggi¹ atau bahasa Melayu Standar atau bahasa Melayu Piawai²) dan telah ditemukan bukti-bukti konkrit sejarah tentang asal-usul bahasa Melayu pada tulisan di batu tulis di daerah Sumatera Selatan dan Hulu Jambi (Hamidy 1981; Collins & Almanar 2005). Kecuali dengan pernyataan yang lebih khusus mengenai perbezaan ini, barulah boleh dengan nyata perbezaan ini boleh diserlahkan. Sebagai contoh, perbezaan bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia (Karim 1997). Dua bahasa itu meskipun berakar daripada bahasa Melayu yang sama iaitu bahasa Melayu dari tanah Sumatera, mereka memiliki latar belakang sejarah dan perlakuan yang berbeza daripada segi tatabahasa, kedinamisan, dan kosakata (Hamidy 1981). Perbezaan itu secara garis besar dapat dipaparkan sebagai berikut; a. Dari latar belakang penjajahan asing boleh dikatakan bahawa bahasa Indonesia lebih meminjam bahasa Belanda sedangkan bahasa Malaysia lebih meminjam bahasa Inggeris. b. Dari segi perlakuan, kedua-dua bahasa tersebut diperlakukan sesuai dengan aturan kebahasaan di negara masing-masing, namun ada perhimpunan yang mengatur bahasa Melayu yang dipanggil dengan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)(Jawatankuasa_Istilah 1978). Perbezaan makna ini dibentuk atas penuturan yang menjadi kelaziman suatu kampung, negeri atau negara (Bodmer. 1985), sedangkan dalam segi tertulis tidak terbentuk perbedaan yang ketara sebab makna yang ada dalam bahasa Malaysia juga sebenarnya ada dalam bahasa Indonesia (makna bahasa Melayu dalam tiap daerah di Indonesia beragam mengingat banyaknya dialek bahasa Melayu di Indonesia). Pengaruh bahasa Melayu Kuno³ masih tetap berpengaruh terhadap bahasa Melayu yang ada di pelbagai tempat kepulauan Melayu Nusantara (Kozok 2006).

Keywords: Bahasa Melayu, penggunaan kata, Melayu piawai dan Melayu standar.

I. Pendahuluan

Bahasa Melayu merupakan loghat utama dalam bahasa Indonesia yang dipergunakan oleh bangsa Indonesia, begitu pula dengan bahasa Melayu di Malaysia, Brunei dan Singapura (Editors 2013). Penamaan bahasa Melayu di Indonesia dengan nama bahasa Indonesia bermula daripada Sumpah Pemuda tanggal 28 Oktober 1928 sebagai bentuk persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia yang memiliki khazanah budaya dan bahasa serta status. Bahasa Indonesia dirasmikan menjadi bahasa negara pada kemerdekaan negara Republik Indonesia pada tahun 1945.

¹ Bahasa Melayu Tinggi ialah bahasa Melayu yang biasa digunakan kalangan istana raja – raja Melayu di Sumatra. Penggunaan bahasa ini biasanya diucapkan atau dituturkan pada acara – acara rasmi atau acara pesta adat masyarakat Melayu.

² Biasa disebut sebagai Bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan negara Malaysia yang mengikuti piawaian ditetapkan Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahasa Malaysia lebih daripada 80% kognitif dengan Bahasa Indonesia dan dituturkan asli oleh lebih daripada 10 juta orang. Bahasa Malaysia dituturkan sebagai bahasa kedua oleh 18 juta orang, sebahagian besar daripada etnik minoriti negara Malaysia.

³ Bahasa Melayu kuno ialah bahasa Melayu yang berkembang kerana dipengaruhi oleh sistem bahasa Sanskrit. Ini adalah kerana kebanyakan masyarakat Melayu ketika itu beragama Hindu kerana Sebelum kedatangan pedagang India ke Kepulauan Melayu, bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat dikenali sebagai Bahasa Melayu Purba. Bahasa ini kemudiannya dinamakan Bahasa Melayu Kuno setelah mendapat pengaruh India.

Kertas kerja ini membincangkan masalah yang biasa berlaku dalam penggunaan bahasa Melayu serta menerangkan tentang makna yang berbeza diantara bahasa Melayu moden⁴, dan bahasa Indonesia. Hal ini disebabkan kerana bahasa Melayu ialah bahasa tempatan yang digunakan sebahagian tempat sahaja. Kerana banyaknya bahasa ibunda yang berbeza – beza bahasa, dialek dan cara bertutur, sehingga menjadikan bahasa Melayu Indonesia berbeza dengan bahasa Melayu Malaysia. Makna sesuatu perkataan berbeza konteks silang budaya yang merentasi sesebuah negara. Oleh itu, perkataan yang sama jika digunakan oleh dua masyarakat yang berbeza akan menghasilkan makna sosiolinguistik yang berbeza (Soekanto 2007).

Bahasa Indonesia berbeza daripada bahasa Melayu khususnya di Malaysia kerana mempunyai perkataan yang berasal daripada Jawa dan Belanda meskipun bahasa Indonesia didasarkan dan didominasi dari bahasa Melayu Riau. Ketika zaman penjajahan, bahasa Indonesia menggunakan "oe" untuk bunyi "u", sama seperti bahasa Belanda (Marcus & Benedanto 2001). Namun, setelah penaklukan Jepun, ejaan tersebut ditukar kepada "u". Begitu juga dengan bahasa Melayu. Sebelum 1972, bunyi "ch" dieja dengan "ch" dan bahasa Indonesia menggunakan "tj". Oleh itu, perkataan "cap" telah dieja sebagai "chap" dan "tjap" dalam Bahasa Indonesia. Selepas "Ejaan Yang Disempurnakan" diperkenalkan pada 1972, kedua-dua bahasa menggunakan ejaan yang sama, iaitu "cap". Contoh ejaan lain ialah "dj" (Indonesia) diganti dengan "j" seperti di Malaysia. Ada beberapa ejaan yang masih dikekalkan atas sebab sejarah, contohnya "wang" (Bahasa Malaysia) dan "uang" (Bahasa Indonesia) (Editor 1991).

II. Batasan Kajian

Pada perbincangan kertas kerja ini hanya dibataskan pada penggunaan kata “**Pelita**”, “**Tambang**” dan “**Tewas**”. Ketiga kata ini akan dibincangkan pada penggunaan yang biasa dituturkan atau dituliskan pada Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu di Indonesia. Penuturan bahasa Melayu acapkali digunakan dalam perbincangan rasmi di Indonesia tetapi tidak digunakan oleh sebahagian masyarakat di Indonesia. Ada sebahagian yang tidak digunakan kerana faktor banyaknya penutur dan aturan negeri – negeri di Indonesia untuk mengembangkan bahasa tempatan. Pengembangan bahasa tempatan di setiap negeri ini selalunya memperkenalkan aksara serta cara bertutur bahasa tempatan tersebut. Sebagai contoh : bahasa Jawa, Bali dan Lombok selalu memperkenalkan aksara hanacaraka, bahasa Bugis selalu memperkenalkan aksara lontara, aksara batak.

III. Penggunaan kata sama dengan makna yang berbeza pada bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia

Berdasarkan laporan hasil kajian kekerabatan dan pemetaan bahasa – bahasa di Indonesia dilakukan oleh agensi kementerian pendidikan dan kebudayaan Indonesia pada tahun 2008, telah berjaya dikenal pasti sejumlah 442 bahasa. Hingga tahun 2011, tercatat berlaku penambahan sejumlah 72 bahasa sehingga jumlahnya menjadi 514 bahasa. Jumlah tersebut masih boleh bertambah kerana ada beberapa kawasan yang belum dikaji. Didalam keadaan yang kepelbagaian budaya dan bahasa tersebut, sentuh bahasa dan sentuh budaya tidak dapat dielakkan. Persentuhan bahasa itu menghasilkan saling serap antara unsur bahasa yang satu kedalam bahasa yang lain (Patrick 2004; Mulyana 2005).

Sumbangan kosa kata negeri – negeri yang ada di Indonesia membuat beberapa perbezaan bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia yang berasaskan bahasa Melayu. Sebanyak 1109 Kosa kata bahasa Jawa; 30.87 peratus, 929 Kosa kata bahasa Melayu Minang dan Riau; 25.86 peratus, 223 Kosa kata bahasa Sunda; 6.21 peratus, 221 Kosa kata bahasa Madura; 6.15 peratus, serta kosa kata negeri lainnya (Dahlan 1990; Aiyub 1999).

Berdasarkan jumlah penuturnya, terdapat 13 bahasa negeri yang penuturnya di atas satu juta orang, iaitu bahasa Jawa (75.200.000), Sunda (27.000.000), Melayu (20.000.000), Madura (13.694.000), Minang (6.500.000), Batak (5.150.000), Bugis (4.000.000), Bali (3.800.000), Aceh (3.000.000), Sasak (2.100.000), Makassar (1.600.000), Lampung (1.500.000), dan Rejang (1.000.000). Besarnya jumlah penutur ternyata berhubungkait dengan jumlah kosa kata bahasa negeri yang diserap ke dalam bahasa Indonesia. Makin besar jumlah penuturnya, makin besar kecenderungan kosakata yang diserap (Chirikba 2008). Selain itu, proses penyerapan kosa kata di dalam sejarah bahasa Melayu sudah lama berjalan. Jadi, tidaklah menghairankan jika bahasa serumpun yang jumlah penuturnya tergolong besar menjadi penyumbang utama dalam kosa kata bahasa Indonesia (Hamidy 1981).

Bahasa Melayu dengan kepelbagaian dialek dalam *KBBI* (Kamus Besar Bahasa Indonesia) tidak dianggap sebagai bahasa daerah kerana bahasa Melayu mengasaskan bahasa Indonesia dan telah digunakan sebagai *lingua franca* selama beratus-ratus tahun di seluruh kawasan Indonesia. Sumbangan dialek bahasa Melayu dalam kosakata bahasa Indonesia di dalam *KBBI* (2008), dengan melihat markah yang ditulis antara lema dan kelas kata, tercatat sebanyak 596 masukan, seperti terlihat pada jadual di bawah ini. Jumlah tersebut, jika diperingkatkan dalam penyumbang kosakata, berada pada posisi ketiga, setelah bahasa Jawa dan bahasa Minang (Editor 1991).

⁴ Bahasa Melayu moden ialah bahasa Melayu yang berkembang pada abad ke-19 iaitu setelah kedatangan penjajah Eropah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Hasil karangan Munsyi Abdullah dianggap sebagai permulaan zaman bahasa Melayu moden.

Jadual 1. Hasil kajian sumbangan dialek Melayu dalam bahasa Indonesia

No	Dialek	Markah	Jumlah Kosa kata	Peratus
1	Melayu Jakarta	Jk	454	76.17
2	Melayu Jambi	Jb	44	7.38
3	Melayu Palembang	Plb	28	4.70
4	Melayu Medan	Md	26	4.36
5	Melayu Riau	Ri	25	4.19
6	Melayu Kalimantan	Klm	11	1.85
7	Melayu Manado	Mnd	8	1.34
Jumlah			596	

III.1. Perbezaan Kata (Heteronim) dan Persamaan Makna Kosa Kata (Homonim).

Selain perbezaan kosa kata, kedua bahasa juga memiliki perkataan – perkataan yang sama tetapi berbeda maknanya. Oleh kerana perkataan – perkataan tersebut kerap digunakan dalam bahasa Malaysia dan Indonesia, maka masalah tersebut mudah menimbulkan kesalahpahaman. Perbezaan makna ini terbentuk atas penuturan yang menjadi kelaziman dari kedua negara, sedangkan dalam segi tertulis tidak terbentuk perbedaan yang ketara sebab makna yang ada dalam bahasa Malaysia juga sebenarnya ada dalam bahasa Indonesia (makna bahasa Melayu dalam tiap daerah di Indonesia beragam mengingat banyaknya dialek bahasa Melayu di Indonesia). Beberapa perbezaan tersebut diantaranya;

KATA “PELITA”

Takrif sebagai;

Bahasa Malaysia menurut kamus dewan edisi ketiga dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)⁵:

1. Sejenis barang bekas berbagai-bagai bentuk yang berisi minyak dan bersumbu digunakan untuk memberikan cahaya.
2. atau Lampu dengan sumber kuasa minyak bakar.

Contoh Penggunaan :

1. *Seperti Pelita Kehabisan Minyak* bermakna berwajah muram kerana kedukacitaan.
2. *Memasang Pelita ditengah hari* bermakna memberi keterangan tentang sesuatu perkara yang sudah jelas.
3. Pasang Pelita dilanggar tikus bermakna kegembiraan hilang oleh kerana satu kejadian yang kecil.

Bahasa Indonesia menurut kamus besar bahasa Indonesia (KBBI)⁶ :

1. Sejenis lampu yang menggunakan minyak bakar sebagai sumber kuasa.

Contoh Penggunaan :

1. *Fikir itu Pelita Hati* bermakna menggunakan akal budi dan mempertimbangkan segala sesuatu dengan baik menjadikan seseorang lebih bijaksana.

Kata ini merupakan kata yang berbentuk homonim atau dengan kosa kata dan makna yang sama. Berdasarkan etimologi bahawa kata “Pelita” berasal dari bahasa Melayu. Kata ini tidak lazim digunakan dalam bahasa perbualan di Indonesia. Kata Pelita biasa digunakan pada penulisan rasmi sahaja.

KATA TAMBANG

Takrif sebagai;

Bahasa Malaysia menurut kamus dewan edisi ketiga dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM):

1. Lubang yang digali untuk mengambil hasil bumi (emas, bijih timah, minyak dan lainnya).
2. *wang tambang = harga tambang* bermakna bayaran untuk membawa barang-barang dan lain - lain dengan kenderaan, sewa kerana menaiki kenderaan, sewaan.
3. Lombong.
4. Tali yang besar untuk menambat binatang pada pokok (tiang dan lain – lain).

Contoh :

1. Kepulangnya itu adalah untuk menerima wang daripada datuknya untuk dibuat tambang berlayar ke Mekah.
2. Lombong besi.
3. Tambang emas.
4. Barang – barang tambang bermakna bahan galian dari bumi (besi, emas, arang batu, dan lain – lain).

⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), atau nama asalnya Balai Pustaka ialah sebuah jabatan kerajaan Malaysia yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 untuk menggerak dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

⁶ Kamus Besar Bahasa Indonesia merupakan kamus rasmi bahasa Indonesia yang disusun oleh Kumpulan Penyusun Kamus Pusat Bahasa dan diterbitkan oleh Balai Pustaka. Kamus ini menjadi acuan tertinggi bahasa Indonesia yang baku. Edisi terakhir ialah edisi ketiga yang cetakan pertamanya diterbitkan pada tahun 2001.

Bahasa Indonesia menurut kamus besar bahasa Indonesia (KBBI) :

1. Lombong (cebakan, parit, lubang ditanah) atau tempat mengambil hasil dari dalam bumi berupa bijih logam, emas, arang batu dan lain – lain.
2. Sampan (perahu dan sejenisnya) untuk menyeberangkan orang.
3. Kenderaan yang disewakan, misalkan; Bas dan Teksi.

Contoh :

1. Banyak orang menantikan sampan tambang di tepi sungai itu.
2. Ditengah jalan ia beroleh tambang pula.
3. Disini tambangnya Rp 500,00.
4. Naik kereta tambang.

Kata ini merupakan kata yang berbentuk homonim atau dengan kosa kata dan makna yang sama. Berdasarkan etimologi bahawa kata “Tambang” berasal dari bahasa Melayu. Kata ini biasanya digunakan pada masyarakat di beberapa negeri Sumatera sahaja. Secara umum penggunaan kata ini tidak lagi digunakan secara umum atau rasmi. Kata ini diganti dengan “ONGKOS” sebagai kata yang umum digunakan oleh masyarakat di Indonesia.

KATA TEWAS

Takrif sebagai :

Bahasa Malaysia menurut kamus dewan edisi ketiga dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM):

1. Menderita kekalahan atau kalah dalam permainan, pertandingan dan lain – lain.
2. Gugur dalam peperangan, mati terkorban.
3. Tidak lulus dalam ujian, gagal, kandas
4. Cela, cacat atau aib.

Contoh :

1. Tewas dalam pertandingan kejohanan badminton.
2. Mereka telah tewas dalam peperangan itu.
3. Dia telah tewas dalam ujian itu.
4. Baiklah hamba pergi berguru kepadanya, kerana hamba sangat tewas pada ilmu penjurit.

Bahasa Indonesia menurut kamus besar bahasa Indonesia (KBBI) :

1. Mati dalam peperangan atau bencana dan sebagainya.
2. Kalah.
3. Kata lain sebagai; cela, salah, kekurangan (sesuatu yang kurang baik).

Contoh :

1. Enam orang relawan dan puluhan tentera tewas di pertempuran itu.
2. Pasukan bolasepak itu tewas pada siri akhir.
3. Ia masih merasa tewas di ilmu ketenteraan.

Kata ini merupakan kata yang berbentuk homonim atau dengan kosa kata dan makna yang sama. Berdasarkan etimologi bahawa kata “Tambang” berasal dari bahasa Melayu. Kata ini dalam penggunaan dalam bahasa Indonesia hanya digunakan dalam kematian manusia yang disebabkan oleh sesuatu hal sahaja. Untuk pemakaian kata tewas dalam suatu aktifitas tidak digunakan, tetapi penggunaan secara perbualan acapkali digunakan secara tidak rasmi.

III. 2. Masalah yang timbul dalam komunikasi bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Malaysia

Bahasa mempunyai tiga fungsi: penjenamaan, interaksi dan penghantaran maklumat. Penjenamaan merujuk pada usaha mengenal pasti objek, tindakan atau orang dengan menyebut namanya sehingga boleh dirujuk dalam komunikasi. Fungsi interaksi menekankan pada berkongsi idea dan emosi, yang boleh mengundang simpati dan pengertian atau kemarahan dan kebingungan (Rakhmat 1994; Pustaka 2004; Mulyana 2005).

Melalui bahasa, maklumat dapat disampaikan kepada orang lain, maka inilah yang dikatakan fungsi penghantaran daripada bahasa. Keistimewaan bahasa sebagai fungsi penghantaran maklumat yang lintas-masa, dengan menyambungkan masa lalu, masa kini dan masa hadapan, membolehkan budaya dan tradisi berterusan. Agar komunikasi berjaya, sekurang – kurangnya bahasa harus memnuhi tiga fungsi, iatu:

1. Mengetahui dunia di sekitaran. Melalui bahasa dapat mempelajari apa saja yang menarik minat, mulai dari sejarah suatu bangsa yang hidup pada masa lalu hingga pada kemajuan teknologi masa kini.
2. Berhubungan dengan orang lain. Bahasa membolehkan seseorang bergaul dengan orang lain untuk kesenangan, dan atau mempengaruhi mereka untuk mencapai matlamat. Melalui bahasa dapat mengawal persekitaran, termasuk orang-orang di sekitarnya.
3. Untuk membentuk *koherensi* bermakna tersusunnya uraian atau pandangan masyarakat sehingga bahagian – bahagian masyarakat saling berhubung kait satu dengan yang lainnya. Bahasa membolehkan kita untuk lebih teratur, saling memahami mengenai diri, kepercayaan-kepercayaan, dan belbagai – bagai hala tuju.

Beberapa masalah yang timbul dalam komunikasi bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Malaysia secara awam iaitu (Effendy 1994; Editor 2010):

Keterbatasan bahasa

Keterbatasan jumlah kata yang sedia ada untuk mewakili objek. Kata – kata adalah kategori – kategori untuk merujuk pada objek tertentu: orang, benda, peristiwa, sifat, perasaan dan sebagainya. Tidak semua kata sedia ada untuk merujuk objek. Suatu kata hanya mewakili realiti tetapi bukan realiti itu sendiri. Dengan demikian, kata – kata pada asasnya bersifat sepotong, tidak melukiskan sesuatu secara pasti. Kata – kata sifat dalam bahasa cenderung bersifat dikotomi, misalnya: baik – buruk, kaya – miskin, pintar – bodoh, dan lain – lain.

Kata – kata bersifat ambiguiti dan kontekstual

Kata – kata bersifat ambiguiti, kerana kata – kata menjelaskan persepsi dan interpretasi orang – orang yang berbeza, yang menganut latar belakang sosial dan budaya yang berbeza pula. Misalnya: Badan orang itu berat; kepala saya berat; ujian itu berat; pensyarah itu memberikan hukuman yang berat kepada pelajarinya.

Kata – kata yang mengandungi bias budaya

Bahasa terikat pada konteks budaya. Oleh kerana itu, didunia ini terdapat belbagai – bagai kumpulan manusia dengan budaya dan sub-budaya yang berbeza, tidak menghairankan bila terdapat kata – kata yang sama atau hampir sama tetapi dimaknai secara berbeza, atau kata – kata yang berbeza namun dimaknai secara sama. Konsekuensinya, dua orang yang berasal dari budaya yang berbeza boleh jadi mengalami kesalahfahaman ketika mereka menggunakan kata yang sama. Misalnya kata awak untuk orang Minang adalah saya atau kita, sedangkan dalam bahasa Melayu (di Palembang dan Malaysia) bererti kamu.

Komunikasi sering dihubungkan dengan *Latin Communis* yang artinya sama. Komunikasi hanya terjadi jika kita memiliki makna yang sama. Makna yang sama hanya terbentuk bila kita memiliki pengalaman yang sama. Kesamaan makna kerana kesamaan pengalaman masa lalu atau kesamaan struktur kognitif iaitu struktur minda yang terbentuk berdasarkan pada pengetahuan nyata atau pengetahuan empirik. Struktur kognitif ini biasa dikenal Isoformisma. Isoformisma terjadi bila penutur – penutur berasal dari budaya yang sama, status sosial yang sama, pendidikan yang sama, ideologi yang sama; secara awam mempunyai sejumlah maksima pengalaman yang sama. Pada nyatanya, tidak ada isoformisma total.

Pencampur-aduk fakta, penafsiran dan penilaian.

Dalam berbahasa kita sering mencampur-aduk fakta (penjelasan), tafsiran (dugaan) dan penilaian. Masalah ini berkait dengan kekeliruan pendapat. Contoh: apa yang ada dalam pikiran kita ketika melihat seorang pria dewasa sedang membelah kayu pada hari kerja pukul 10.00 pagi? Kebanyakan dari kita akan menyebut orang itu sedang bekerja. Akan tetapi, jawaban sesungguhnya bergantung pada: Pertama, apa yang dimaksud bekerja? Kedua, apa pekerjaan tetap orang itu untuk mencari nafkah? Bila yang dimaksud bekerja adalah melakukan pekerjaan tetap untuk mencari nafkah, maka orang itu memang sedang bekerja. Akan tetapi, bila pekerjaan tetap orang itu adalah sebagai dosen, yang pekerjaannya adalah membaca, berbicara, menulis, maka membelah kayu bakar dapat kita anggap bersantai baginya, sebagai selingan di antara jam-jam kerjanya.

IV. Cadangan - cadangan

Bahagian ini penulis mencadangkan bahawa diperlukannya langkah untuk menjambatani perbezaan bahasa, budaya dan tradisi, terutama untuk keperluan bisnis. Seperti situasi yang sering berlaku kini, ekoran daripada sudah terbiasa dengan menggunakan dialek atau bahasa, ramai dalam kalangan masyarakat di Indonesia dan Malaysia mempunyai masalah dalam komunikasi apabila ingin memberi ucapan secara formal dalam majlis rasmi. Antara cara mengatasinya ialah (Effendy 1994):

Cuba untuk membiasakan diri dalam situasi yang berbeza.

Bahasa merupakan alat perhubungan seharian dan bahasa juga bersifat dinamik iaitu berbeza mengikut situasi. Oleh itu, kita seharusnya cuba untuk membiasakan diri dalam setiap situasi yang berbeza. Sebagai contoh, apabila berada dalam majlis tidak rasmi dalam kelompok masyarakat yang menggunakan loghat sebagai bahasa perhubungan mereka, kita mestilah bijak untuk cuba belajar dan ini penting untuk menentukan supaya hubungan interaksi dapat terus berlaku.

Membina lebih ramai kenalan.

Membina lebih ramai kenalan di sini membawa maksud kenan yang datang dari berbeza negeri. Pergaulan yang sihat ini dapat member peluang kepada kita untuk belajar dan sebagai latihan agar kita sudah terbiasa walau apa-apa jua situasi sekalipun kerana semakin jauh kita mengembara dari tempat permulaan, kita akan dapati perbezaan bahasa dari desa ke desa itu semakin banyak. Ini juga sebagai latihan komunikasi dan dapat mengurangkan masalah seperti yang menghantui sesetengah individu apabila ingin berkomunikasi dalam bahasa standard.

Menyediakan lebih banyak gerbang, enjin carian dan portal bahasa Melayu dan bahasa Melayu Indonesia dengan hubungan ke semua tapak yang berfaedah.

Ada lima sebab utama kenapa perkara perbezaan budaya terjadi, iaitu (1) Orientasi Individu dan Kolektif (2) Budaya Kontek-rendah dan tinggi (3) *Power Distance* (4) Budaya Maskulin dan Feminin dan, (5) Penghindaran Ketidakpastian/*Uncertainty Avoidance*. Penulis mencadangkan beberapa cara untuk menjambatani perbezaan adat dan budaya;

1. Mengurangkan perbezaan psikologi di antara penduduk-penduduk dalam wilayah yang berkenaan di Malaysia dan di Indonesia.
2. Mengatasi masalah perbezaan geografi dengan merapatkan perhubungan dan interaksi supaya wujud persefahaman yang lebih baik di antara penduduk dan suku Melayu yang ada di Malaysia dan Indonesia.

Secara peribadi masyarakat;

1. Buat penilaian diri – bagaimana sikap kita terhadap budaya yang berbeza mempengaruhi komunikasi kita dengan mereka? Antara langkah pertama untuk memperbaiki komunikasi antara budaya kita ialah penilaian diri yang jujur tentang stail, kepercayaan dan prejudis kita.
2. Amalkan tingkah laku komunikasi mendukung – gelagat-gelagat mendukung seperti empati, menggalakkan kejayaan dalam komunikasi antara budaya. Gaya komunikasi mendukung sangat besar pengaruhnya kepada keseronokan dan kepuasan hubungan tingkah laku – tingkah laku defensif akan menggugat keberkesannya.
3. Wujudkan sensitiviti terhadap kepelbagaian – apabila perspektif komunikasi yang sihat telah wujud, kita boleh mempelajari sesuatu dari orang lain. Populasi yang pelbagai, menyediakan peluang yang luas untuk belajar. Oleh itu, gunakanlah kesempatan itu untuk mempelajari budaya orang lain dan fahami dengan sebaiknya.
4. Elakkan stereotype – elakkan daripada membuat andaian terhadap budaya yang lain.
5. Elakkan ethnocentrism – jangan merendah-rendahkan budaya orang lain sebaliknya pelajarilah budaya mereka supaya kita dapat melihat kekuatan dan kelemahan budaya kita.
6. Wujudkan kod sensitiviti – kod sensitivity merujuk kepada kebolehan menggunakan bahasa lisan dan bukan lisan sesuai dengan budaya atau norma-norma orang yang kita berkomunikasi dengannya. Semakin banyak kita tahu tentang budaya orang lain semakin mudah bagi kita untuk menyesuaikan diri.
7. Dapatkan kod-kod yang boleh dikongsi – berfikir terbuka supaya dapat membentuk kod-kod yang boleh dikongsi bersama.
8. Gunakan dan galakkan maklum balas deskriptif. Kedua-dua pihak hendaklah bersedia untuk menerima maklum balas dan sportif. Maklum balas hendaklah segera, jujur, khusus dan jelas.
9. Bukalah saluran-saluran komunikasi – hendaklah bersabar semasa berinteraksi dalam mencari persefahaman bersama. Wujudkan peluang – peluang untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Tangani konflik kepercayaan dan praktis – fikirkan bagaimana kita boleh menangani masalah dan perbezaan kecil dan besar dalam komunikasi itu. Binalah empati terhadap orang lain supaya kita dapat merongkai masalah terutamanya yang berkait dengan aspek-aspek keagamaan, cara hidup dan nilai.

V. Kesimpulan

Adanya aktiviti – aktiviti dalam kehidupan sosial menunjukkan bahwa manusia mempunyai naluri untuk hidup bergaul dengan sesama nya (disebut *gregariousness*). Naluri ini merupakan salah satu yang paling asasi dalam keperluan hidup manusia, di samping keperluan akan; *afeksi* (keperluan akan kasih sayang), inklusi (keperluan akan kepuasan), dan kontrol (keperluan akan pengawasan). Dalam pemenuhan keperluan – keperluan hidup tersebut akan mendorong manusia untuk melakukan interaksi dengan sesama nya, baik untuk mengadakan kerjasama (*cooperation*) mahupun untuk melakukan persaingan (*competition*). Kata interaksi berasal dari Bahasa Inggris *interaction* ertinya suatu tindakan yang bertindakbalas. Dengan kata lain suatu proses hubungan yang saling pengaruh mempengaruhi. Jadi interaksi sosial (*social interaction*) adalah suatu proses berhubungan yang dinamik dan saling mempengaruhi antar manusia.

V.1. Interaksi Sosial

Menurut Kimball Young dan Raymond W. Mack dalam buku *Sociology and Social Life* menyatakan bahwa : “Interaksi sosial adalah kunci dari semua kehidupan sosial, oleh karena tanpa interaksi sosial tidak akan mungkin ada kehidupan bersama (Young & Mack 1965).

Sementara itu Soerjano Soekanto dalam buku *Sosiologi Suatu Pengantar* menyatakan bahwa : “Interaksi sosial (yang juga dinamakan proses sosial) merupakan syarat utama terjadinya aktivitas-aktivitas sosial” (Soekanto 2007).

Interaksi antar manusia dimaksud adalah :

- a) interaksi antara individu dengan individu.
- b) interaksi antara individu dengan kelompok, dan
- c) interaksi antara kelompok dengan kelompok.

Hasil dari pada interaksi sosial ada dua sifat kemungkinan :

- a) Bersifat positif; suatu interaksi yang mengarah kerjasama dan menguntungkan. Contoh persahabatan.
- b) Bersifat negatif; suatu interaksi yang mengarah pada suatu pertentangan yang berakibat buruk atau merugikan. Contoh perselisihan, pertikaian, dan sebagainya.

Berdasarkan hasil interaksi yang negatif tersebut di atas maka itulah yang menjadi hambatan dalam proses Komunikasi Interpersonal. Dalam situasi pertentangan Komunikasi Interpersonal tidak dapat dilaksanakan dengan baik, kalau pun dipaksakan dilaksanakan pasti kegiatan Komunikasi Interpersonal efeknya tidak akan berhasil.

V.2. Budaya

Istilah budaya merupakan penyebutan terhadap istilah budaya. Dalam khazanah ilmu pengetahuan kata kebudayaan/budaya merupakan terjemahan dari kata culture. Kata culture sendiri berasal dari Bahasa Latin dari kata *colere* yang berarti mengolah, mengerjakan, menyuburkan, dan mengembangkan tanah/pertanian (Koentjaraningrat 1986).

E. B. Taylor yang dikutip Koentjaraningrat dalam buku Pengantar Ilmu Antropologi menyatakan bahwa : “Kebudayaan adalah suatu keseluruhan yang kompleks yang meliputi keyakinan dan cara hidup suatu masyarakat yang dipelajari oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Keyakinan adalah keseluruhan idea yang dianut meliputi religi, pemerintahan, ilmu pengetahuan, falsafah, seni, dan adat istiadat. Cara hidup adalah pola-pola tindakan yang berhubungan dengan soal kebiasaan meliputi makanan, pakaian, perumahan, cara-cara perkahwinan, hiburan, estetika dan sebagainya. Ralph Linton menyatakan bahwa : “Kebudayaan adalah keseluruhan dari pengetahuan, sikap, pola perilaku yang merupakan kebiasaan yang dimiliki dan diwariskan oleh anggota suatu masyarakat tertentu.”

Koentjaraningrat dalam buku Pengantar Ilmu Antropologi menyatakan bahwa : “Kebudayaan adalah keseluruhan sistem gagasan, tindakan, dan hasil karya manusia dalam rangka kehidupan masyarakat yang dijadikan milik diri manusia dengan belajar”. Dari beberapa takrifan kebudayaan tersebut di atas dapat disimpulkan dan juga telah disepakati beberapa ahli antropologi, bahwa kebudayaan dan tindakan kebudayaan itu adalah segala tindakan yang harus dilalui dan dibiasakan manusia melalui proses belajar (learned behavior) .

Itulah fungsi komunikasi terutama Komunikasi Interpersonal. Pertanyaan sekarang, bagaimana kedudukan Budaya atau budaya dalam proses kegiatan Komunikasi Interpersonal. Untuk sementara ini para ahli baru meninjau hanya mengenai hambatan budaya dalam proses Komunikasi Interpersonal terutama kegiatan Komunikasi Interpersonal lintas budaya, iaitu di antaranya menyampaikan pesan pada orang yang berlainan Budaya akan mengundang perbezaan persepsi terhadap isi pesan sehingga efek yang diharapkan akan sukar timbul.

Menyampaikan pesan verbal pada orang yang berlainan Budaya tentu saja akan banyak perbezaan dalam bahasa sehingga dalam proses kegiatan Komunikasi Interpersonal tersebut selain hambatan dalam bahasa juga terdapat hambatan semantik, iaitu perbezaan peristilahan dalam masing-masing bahasa. Menyampaikan pesan verbal pada orang yang berlainan Budaya disertai penekanan pesan dengan pesan non-verbal mungkin akan mengundang pentafsiran berbeza hingga tujuan penyampaian pesan tidak akan tersampai kan. Menyampaikan pesan pada orang yang berlainan Budaya jika bertentangan dengan adat-kebiasaannya, norma - norma nya maka akan terjadi penolakan Komunikasi Interpersonal.

Rujukan

- [1]. Aiyub. 1999. Struktur bahasa Melayu dialek Panai (Proyek Pembinaan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah Pusat) Ed. ke-1. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (P3B), Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI.
- [2]. Bodmer., F. 1985. The Loom of Language: An Approach to the Mastery of Many Languages. L. T. Hogben. Ed. ke-1. W W Norton & Company Incorporated.
- [3]. Chirikba, V. A. 2008. The problem of the Caucasian Sprachbund. Dlm. P. Muysken (pnyt.). Ed. *From Linguistic Areas to Areal Linguistics*; 90. hlm. 293. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- [4]. Collins, J. T. & A. E. Almanar. 2005. Bahasa Melayu bahasa dunia: sejarah singkat Ed. ke-1. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- [5]. Dahlan, S. 1990. Struktur bahasa Melayu Riau dialek Pasir Pangaraian (Proyek Pembinaan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah Pusat) Ed. ke-1. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (P3B), Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, RI.
- [6]. Editor, T. 1991. Kamus Besar Bahasa Indonesia; Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Ed. ke-3. Jakarta: Balai Pustaka.
- [7]. Editor, T. 2010. Wawasan: Bahasa Melayu Salah Satu Bahasa Utama Dunia Ed. ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- [8]. Editors, E. B. 2013. Arabic alphabet; Encyclopedia Britannica online. <http://global.britannica.com/EBchecked/topic/31666/Arabic-alphabet> [30 March 2013].
- [9]. Effendy, O. 1994. Ilmu Komunikasi: Teori dan Praktek Ed. ke-1. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- [10]. Hamidy, U. U. 1981. Bahasa Melayu Riau: sumbangan bahasa Melayu Riau kepada bahasa dan bangsa Indonesia Ed. ke-1. Riau: Pustaka AS.
- [11]. Jawatankuasa_Istilah. 1978. Istilah Kejuruteraan, Bahasa Inggeris-bahasa Malaysia Ed. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Melayu, Universiti Malaya.
- [12]. Karim, N. S. 1997. Tatabahasa Dewan Ed. ke-Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [13]. Koentjaraningrat. 1986. Pengantar ilmu antropologi Ed. ke-1. Jakarta: Aksara Baru.
- [14]. Kozok, U. 2006. Kitab Undang-undang Tanjung Tanah: naskah Melayu yang tertua Ed. ke-1. Jakarta: Yayasan Naskah Nusantara : Yayasan Obor Indonesia.
- [15]. Marcus, A. S. & P. Benedanto. 2001. Kesastraan Melayu Tionghoa dan kebangsaan Indonesia; Ed. 3. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- [16]. Mulyana, D. 2005. Ilmu Komunikasi: Suatu Pengantar Ed. ke-1. Bandung: Remaja Rosdakarya.